

## LAWATAN KE PERKAMPUNGAN ORANG ASLI PULAU CAREY, SELANGOR

Tarikh : 28 Oktober 2009  
Masa : 8.30 pagi – 2.00 petang  
Penyertaan : 113 orang pelajar tingkatan 3  
Guru Pengiring : 6 orang

Tujuan :

1. Mengisi aktiviti selepas PMR.
2. Mengenali dengan lebih dekat budaya, adat resam, kepercayaan dan pantang-larang masyarakat orang asli.
3. Memupuk rasa bersyukur dan bersedia menghulurkan sumbangan kepada insan yang memerlukan.
4. Salah satu aktiviti di bawah anjuran Panitia Pendidikan Moral.

Laporan ringkas :

Kehadiran kami telah disambut oleh Encik Helmi, pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Kami telah diberikan taklimat ringkas sebelum dibawa melawat ke bangsal membuat ukiran kayu (patung), ukiran topeng muka dan kraftangan anyaman. Kami telah memberikan sumbangan berupa barangan keperluan harian untuk warga orang asli di sana dan juga alat tulis kepada semua murid yang sedang belajar di sekolah di situ. Ia merupakan suatu lawatan sambil belajar yang bermakna dan menarik buat kami semua.

Lampiran foto :



Antara sumbangan yang kami bawa



En. Sameri bersama patung Harimau Berantai



En. Sameri menunjukkan topeng muka yang digunakan dalam tarian.



Antara koleksi patung di bengkel En. Sameri .



Lengkap berpakaian tarian



Topeng muka yang digunakan untuk tarian



Laporan disediakan oleh : En Saiful Bahri B Muhammad